



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

TEKS UCAPAN

**YB SARASWATHY KANDASAMI
TIMBALAN MENTERI PERPADUAN NEGARA**

SEMPENA

**MAJLIS *FLAG OFF* INI WARISAN KITA :
MISI SUKARELAWAN SISWA KE SABAH 2024**

3 SEPTEMBER 2024

10 PAGI - 12 TENGAH HARI

**DEWAN BANKUASI,
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

Selamat pagi, Salam Perpaduan Malaysia MADANI.

SALUTASI

**Salutasi terkini akan disediakan secara berasingan*

PENDAHULUAN

1. Pertama sekali, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih atas kesudian Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sabah, Tun Datuk Seri Panglima Haji Juhar Haji Mahiruddin, untuk hadir pada Majlis *Flag Off* Ini Warisan Kita: Misi Sukarelawan Siswa ke Sabah 2024.

2. Kehadiran Tuan Yang Terutama Yang DiPertua Negeri Sabah dan Kerajaan Negeri Sabah merupakan penghargaan terbesar buat kami sejak pertama kali YSS menjakkan kaki ke negeri Sabah pada tahun 2015.

3. Untuk pengetahuan Tuan Yang Terutama, Yayasan Sukarelawan telah dilancarkan pada 2012 bagi melahirkan pemimpin sukarelawan siswa melalui pelaksanaan Misi Sukarelawan Siswa di dalam dan di luar negara.

4. Keunikan negeri Sabah yang mempunyai lebih 33 suku kaum yang bertutur lebih 50 bahasa dan 80 dialek menjadi antara

sebab utama negeri ini dipilih oleh YSS. Sukarelawan siswa akan ditempatkan bersama komuniti selama 10 hari di lapangan, sekaligus memberi peluang untuk mereka meningkatkan pemahaman dan menghayati keistimewaan Negeri di Bawah Bayu ini melalui pembelajaran berasaskan pengalaman.

5. Sehingga tahun 2023, sebanyak 7 misi sukarelawan siswa ke Sabah telah dijalankan di 36 buah lokasi, dengan penglibatan seramai 608 sukarelawan siswa yang telah melaksanakan sebanyak 1,054 projek sukarelawan.

MISI SUKARELAWAN SISWA

Hadirin yang saya hormati sekalian,

6. Pada tahun ini, YSS membawa seramai **100 orang sukarelawan siswa daripada 56 Institusi Pendidikan Tinggi (IPT)** seluruh negara ke Program **Ini Warisan Kita: Misi Sukarelawan Siswa ke Sabah 2024**.
7. Daripada 100 orang sukarelawan siswa yang dipilih pada kali ini, 88 orang adalah sukarelawan siswa yang baharu pertama menyertai misi sukarelawan siswa. Semua sukarelawan siswa

dipilih berdasarkan atas prestasi luar biasa semasa sesi temuduga, lulus tapisan kesihatan mental dan fizikal.

8. Untuk misi pada tahun ini, sukarelawan siswa akan dihantar ke enam (6) daerah berasingan iaitu **Daerah Penampang, Daerah Kudat, Daerah Kota Belud, Daerah Beaufort, Daerah Papar dan Daerah Kota Kinabalu**. Misi telah bermula pada **1 September sehingga 18 September 2024**.
9. Berdasarkan tinjauan pada lokasi tersebut, beberapa projek utama telah dikenalpasti antaranya membaik pulih Kompeni A, Batalion 2, infrastruktur sekolah dan masjid. Selain itu, sukarelawan juga akan mengadakan projek sukarelawan berdasarkan 6 teras kesukarelawanan YSS mengikut keperluan lokasi.

INI WARISAN KITA DAN MALAYSIA MADANI: JIWA MERDEKA

Hadirin yang dimuliakan sekalian,

10. Ini Warisan Kita adalah satu inisiatif Kementerian Perpaduan Negara yang dilancarkan pada tahun 2023 dan adalah salah satu pengisian utama dalam program *flagship* Kementerian iaitu Kembara Perpaduan Malaysia MADANI. Ini sangat bertepatan

dengan hasrat kerajaan dalam membangun Malaysia MADANI yang menerapkan elemen hormat menghormati serta menjadikan warisan sebagai salah platform pengukuhan perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia.

11. Ini Warisan Kita bertujuan untuk melestarikan perpaduan dengan meningkatkan pengetahuan, kefahaman dan penghayatan masyarakat pelbagai kaum tentang khazanah warisan negara ini. Fokus utama pelaksanaan program dibawah insentif ini adalah meliputi bidang kepelbagaian etnik, bahasa, permainan tradisional, adat resam, makanan serta kesenian dan alat muzik tradisional.
12. Bersesuaian dengan tema Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia 2024, ‘Malaysia MADANI : Jiwa Merdeka’, Misi Sukarelawan ini menyemai elemen positif dalam memupuk semangat patriotisme serta cinta negara dalam kalangan sukarelawan dan komuniti.
13. Misi sukarelawan ini adalah salah satu platform yang penting kerana ia menjadi tapak integrasi nasional individu dari latar belakang yang berbeza untuk bersatu demi matlamat yang lebih besar. Misi Sukarelawan Siswa juga menggalakkan penglibatan masyarakat dalam aktiviti kesukarelawan agar semangat

sukarelawan dipupuk dan dibudayakan dalam kalangan masyarakat di pelbagai peringkat.

14. Penyertaan dan penglibatan secara langsung dalam aktiviti yang bertunjangkan kesukarelawan mampu melahirkan para belia yang bersemangat patriotik dan muhibbah yang tinggi. **Misi Sukarelawan Siswa yang dilaksanakan oleh YSS amat bertepatan dengan tiga objektif utama Dasar Perpaduan Negara itu iaitu:**

- mengukuhkan perpaduan dan integrasi nasional berteraskan Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara;
- membentuk identiti nasional dengan semangat jati diri, patriotik, prihatin, toleransi, saling hormat menghormati dan bertanggungjawab;
- melahirkan rakyat Malaysia yang menghargai dan mengamalkan perpaduan.

PENUTUP

Akhir kata daripada saya,

15. Saya sekali lagi ingin mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang Terutama di atas kesudian untuk hadir ke majlis ini.
16. Saya berharap ini akan menjadi pembakar semangat kepada para sukarelawan terus berkhidmat dan berkecimpung dalam dunia kesukarelawanan.

Sekian, terima kasih.